JABATAN PERTANIAN

# KOD ETIKA

## JABATAN PERTANIAN

# KANDUNGAN


| PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|
| Perutusan Ketua Pengarah Pertanian | 2 |
| Visi | 3 |
| Misi | 3 |
| Perkhidmatan Teras | 3 |
| Objektif Jabatan Pertanian | 4 |
| Pendahuluan | 5 |
| Objektif Kod Etika | 5 |
| Pernyataan Dasar | 6 |
| Peraturan-Peraturan Pegawai Awam | 8 |
| (Kelakuan Dan Tatatertib)  1993 | |
| Nilai – Nilai Teras | 9 |
| Nilai – Nilai Kembangan | 11 |
| Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam | 14 |
| Ikrar Perkhidmatan Awam | 15 |
| Akuan Pematuhan | 16 |

# PERUTUSAN
# KETUA PENGARAH PERTANIAN



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,*

Salam Sejahtera,

**NILAI** dan **ETIKA** merupakan elemen penting dalam sesebuah organisasi kerana ianya memberikan impak yang besar terhadap pembentukan peribadi dan integriti warga kerjanya. **NILAI** adalah kepercayaan dan pegangan yang mempengaruhi tingkah laku individu manakala **ETIKA** adalah himpunan nilai yang menjadi piawaian bagi tingkah laku individu tersebut.

Sehubungan itu, kecemerlangan sesebuah organisasi tidak hanya bergantung kepada kemampuan dan pembaharuan sistem prosedur kerja dan teknologinya semata-mata tetapi berkait rapat dengan ketinggian nilai dan etika warga kerjanya.

Kod Etika Jabatan Pertanian merupakan panduan asas bagi setiap pegawai dan kakitangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing sebagai penjawat awam amnya dan warga kerja Jabatan Pertanian khususnya.

Kod Etika ini menggariskan nilai-nilai teras yang merupakan nilai induk atau sepunya yang menjadi pegangan semua penjawat awam dan nilai-nilai kembangan yang menjadi nilai-nilai khusus yang menjadi cerminan keperibadian warga Jabatan Pertanian.

Semoga pematuhan kepada Kod Etika ini dapat memantapkan integriti warga Jabatan Pertanian dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan dan golongan sasar, seterusnya memelihara kredibiliti Jabatan Pertanian dalam pencapaian visi ***'Ke arah mewujudkan industri pertanian yang berdaya saing, pengeluaran produk berkualiti, selamat dan mesra alam serta berorientasikan eksport'.***

Sekian. *Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**DATO' AHMAD ZAKARIA BIN MOHAMAD SIDEK**
Ketua Pengarah Pertanian
Jabatan Pertanian

# VISI

Ke arah mewujudkan industri pertanian yang berdaya saing, pengeluaran produk berkualiti selamat dan mesra alam serta berorientasi eksport.

# MISI

Memberi perkhidmatan berkualiti dan berkesan kepada pengusaha pertanian melalui pengamalan teknologi terkini dan khidmat regulatori pertanian untuk meningkatkan daya pengeluaran serta memastikan keselamatan sektor pertanian negara.

# PERKHIDMATAN TERAS

Memberi khidmat pengembangan pertanian dalam pengeluaran bahan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan.

Menguatkuasa akta-akta yang menjaga keselamatan, kualiti dan melindungi industri pertanian negara dari ancaman perosak dan penyakit luar serta memudahkan perdagangan antarabangsa.

# OBJEKTIF
# JABATAN PERTANIAN

Memberi perkhidmatan perundingan, sokongan teknikal dan khidmat nasihat yang profesional dalam pelbagai bidang Pertanian khususnya tanaman makanan dan industri hiliran bagi menentukan pengeluaran makanan yang mencukupi untuk keperluan negara.

Membimbing dan mewujudkan  pengusaha pertanian yang progresif bagi meningkatkan produktiviti ladang dan pengeluaran pertanian negara.

Mewujudkan kumpulan tenaga terlatih yang terlatih dan mahir untuk keperluan industri pertanian.

Melindungi tanaman-tanaman (tanaman industri dan makanan) daripada ancaman perosak dan penyakit melalui program perlindungan tanaman dan perkhidmatan kuarantin.

Menentukan keluaran hasil-hasil tanaman makanan yang selamat dan mengawal pencemaran alam sekitar.

Mengawal bahan-bahan tanaman dan bahan janaplasma negara daripada dibawa keluar negara dan terancam pupus.

## PENDAHULUAN

Kod Etika Jabatan Pertanian merupakan satu panduan yang menggabungkan keperibadian akhlak mulia, tatakelakuan dan tindakan seragam yang perlu diamalkan dan dibudayakan dengan penuh integriti oleh setiap warga Jabatan Pertanian.

## OBJEKTIF KOD ETIKA

Kod Etika Jabatan Pertanian menggariskan objektif seperti berikut:

Menjelaskan tatakelakuan yang boleh dan tidak boleh dilakukan bagi memastikan tatakelakuan tersebut selaras dengan peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa;

Menjelaskan nilai-nilai teras dan nilai-nilai kembangan yang dijadikan pegangan dalam menunaikan amanah, tugas dan tanggungjawab ke arah mencapai visi dan misi Jabatan Pertanian; dan

Menerapkan dan memantapkan integriti untuk dibudayakan dalam tatacara atau prosedur kerja bagi mencerminkan profesionalisme dan ketelusan sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan Pertanian.

# PERNYATAAN DASAR

Jabatan Pertanian menolak sebarang bentuk pelanggaran tatakelakuan yang boleh menggugat integriti atau mencemar nama baik perkhidmatan awam seperti berikut:

**MELARANG** sebarang bentuk perlakuan rasuah seperti meminta atau menerima rasuah; menawar atau memberi rasuah; membuat tuntutan palsu; dan menyalahgunakan jawatan atau kedudukan untuk kepentingan peribadi di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 atau perbuatan jenayah lain di bawah undang-undang lain yang berkaitan; dan

**MELARANG** sebarang bentuk pelanggaran tatakelakuan yang tidak selaras dengan ketetapan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 dan peraturan lain yang berkuatkuasa;

Pengurusan Jabatan Pertanian akan mengambil tindakan tegas terhadap warga Jabatan Pertanian yang menggugat integriti atau mencemar nama baik perkhidmatan awam seperti berikut:

**MELAPORKAN** sebarang bentuk perlakuan rasuah atau jenayah lain kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan; dan

**MENGAMBIL TINDAKAN TATATERTIB** terhadap sebarang pelanggaran tatakelakuan melalui Lembaga Tatatertib yang berkenaan.

# PERNYATAAN DASAR

Sebarang aduan atau maklumat mengenai pelanggaran tatakelakuan dan perlakuan rasuah atau jenayah lain boleh dikemukakan kepada saluran berikut:

**UNIT INTEGRITI**
**JABATAN PERTANIAN**
**Aras 13, Wisma Tani**
**No.30, Persiaran Perdana, Presint 4**
**62624 Putrajaya**

**Tel : 03-8870 3022 / 3024**
**Emel : integriti@doa.gov.my**
**Portal : e-Integriti**

Maklumat dan identiti pemberi maklumat boleh diberikan perlindungan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 atau Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

# PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

Peraturan 4 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 menggariskan ketetapan dan larangan berikut:

Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa memberikan taat setianya kepada Yang DiPertuan Agong, Negara dan Kerajaan.

*Seseorang pegawai tidak boleh:*

*(a) membelakangkan tugas awamnya demi kepentingan peribadinya;*
*(b) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas awamnya;*
*(c) berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa:*
  *(i) dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas awamnya sehingga menjejaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai awam; atau*
  *(ii) dia telah menggunakan kedudukan awamnya bagi faedahnya sendiri.*
*(d) berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan atau mencemar nama baik perkhidmatan awam;*
*(e) kurang cekap atau kurang berusaha;*
*(f) tidak jujur atau tidak amanah;*
*(g) tidak bertanggungjawab;*
*(h) membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan berhubung dengan atau terhadap perkhidmatan awam, sama ada tuntutan itu ialah tuntutannya sendiri atau tuntutan mana-mana pegawai lain;*
*(i) ingkar perintah; dan*
*(j) cuai dalam melaksanakan tugasnya.*

# NILAI-NILAI TERAS

Nilai-nilai teras merupakan nilai-nilai induk atau nilai-nilai sepunya yang menjadi pegangan semua pegawai perkhidmatan awam tanpa mengira latar belakang, etnik dan agama seperti berikut:

## AMANAH

Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh kejujuran dan keikhlasan tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan peribadi; mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; serta menjauhkan diri dari perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

## BENAR

Mengambil tindakan dan membuat keputusan dengan betul dan tepat tanpa mempunyai niat atau agenda tersendiri atau tersembunyi; dan tidak mengharapkan sebarang balasan demi kejayaan organisasi.

## BIJAKSANA

Mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas serta daya pemikiran yang kreatif dan inovatif dalam melaksanakan tugasan; menggunakan potensi dan kompetensi diri dalam memupuk keupayaan dan kepakaran untuk menjayakan tugasan; serta menjadi daya penggerak dalam menghasilkan prestasi dan kualiti tugasan yang cemerlang.

## ADIL

Membuat pertimbangan dengan saksama dan penilaian secara objektif dan profesional bagi mengelakkan diskriminasi; tidak memihak kepada pihak-pihak berkepentingan; serta mengamalkan prinsip meletakkan suatu pada tempatnya tanpa merasa takut atau mengharapkan ganjaran.

## TELUS

Melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengikut tatacara atau prosedur kerja dan tidak mengikut budi bicara; membuat keputusan dengan bebas melalui proses yang jelas dan nyata tanpa sebarang pengaruh sama ada daripada unsur dalaman atau luaran; serta menghebahkan tindakan atau keputusan selagi tiada percanggahan dengan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

## BERSYUKUR

Sentiasa menzahirkan rasa kesyukuran dan menghargai atas segala nikmat dan anugerah; merasa rendah diri, tidak sombong dan bongkak serta sanggup mengorbankan masa dan tenaga dalam menjayakan tugasan; menghargai pencapaian dan kejayaan orang lain.

# NILAI-NILAI KEMBANGAN

Nilai-nilai kembangan merupakan nilai-nilai khusus mengikut bidang tugas dan fungsi utama Jabatan Pertanian yang mendokong nilai-nilai teras ke arah pencapaian visi dan misi Jabatan Pertanian seperti berikut:

## MUAFAKAT

Melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara kolektif dan toleransi sebagai satu pasukan; saling membantu antara satu sama lain demi menjayakan visi dan misi Jabatan Pertanian.

## TAAT SETIA

Sedia memberikan perkhidmatan tanpa mengira masa dan tenaga; menjaga tatakelakuan dan mempunyai integriti yang tinggi demi menjaga dan memelihara imej dan nama baik Jabatan Pertanian.

## TANGGUNGJAWAB

Sedia menerima tugasan; tidak mempersoal atau mempertikaikannya; melaksanakannya dengan sempurna; serta sentiasa mengamalkan prinsip akauntabiliti dalam melaksanakan tugasan

## PROFESIONAL

Mengembleng keupayaan diri dari segi kecekapan dan kemahiran secara rasional dan profesional bagi menghasilkan impak yang produktif serta menepati kehendak pelanggan dan golongan sasar.

## KOMITMEN

Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sepenuh hati, dedikasi dan iltizam yang tinggi; menunjukkan sikap kesungguhan dan keazaman; serta mengutamakan kepentingan awam daripada kepentingan peribadi.

## KOMPETEN

Memberikan perkhidmatan dengan cekap dan tepat kepada pelanggan dan golongan sasar berdasarkan pengetahuan dan kepakaran; serta mampu menyesuaikan diri dalam pelbagai perubahan kerja.

## DISIPLIN

Mempamerkan disiplin diri yang tinggi sama ada di dalam waktu bekerja atau di luar waktu bekerja dengan keterampilan diri dan reputasi yang cemerlang.

## AKHLAK MULIA

Mengamalkan sifat-sifat ketinggian peribadi yang luhur, jujur dan ikhlas semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab berlandaskan ajaran agama, undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

## MESRA

Memberi layanan yang mesra dan menawarkan khidmat pengembangan dan pengurusan pertanian yang terbaik serta sentiasa menjaga hubungan rasmi dengan pelanggan dan golongan sasar.

## TEGAS

Tegas dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan terhadap mereka yang melanggar ketetapan prosedur kerja, tatakelakuan, undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa

## WIBAWA

Sentiasa mempunyai kemahuan untuk memperbaiki dan meningkatkan prestasi kerja; keupayaan untuk mempelajari pelbagai kemahiran bagi menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan.

## BANGGA

Memberikan perkhidmatan dengan penuh rasa bangga sebagai warga Jabatan Pertanian.

# IKRAR INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

Kami, pegawai awam Malaysia dengan sepenuh dan rela hati berikrar mempertahankan dan memperkukuhkan integriti perkhidmatan awam dengan mencegah dan membanteras segala bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan melalui tindakan-tindakan berikut:

- ❖ Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;
- ❖ Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah;
- ❖ Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang, peraturan dan etika jabatan;
- ❖ Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah;
- ❖ Bertindak tegas terhadap mereka yang cuba untuk menggugatkan integriti dan imej pegawai awam; dan
- ❖ Mematuhi sepenuhnya kod etika jabatan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas.

# IKRAR PERKHIDMATAN AWAM

Kami yang telah dilantik berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia membuat ikrar di sini bahawa semasa dan selagi kami berkhidmat dengan Kerajaan, kami akan patuh dengan mengamalkan teras-teras perkhidmatan semasa menjalankan tugas. Ke arah ini kami:

❖ Berazam meningkatkan mutu perkhidmatan;

❖ Bekerja dengan penuh tanggungjawab;

❖ Berusaha mengikis sikap mementingkan diri sendiri;

❖ Berkhidmat dengan penuh muhibah dan kemesraan;

❖ Bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara;

❖ Bekerjasama dalam membanteras kelemahan dan musuh-musuh negara; dan

❖ Berpegang teguh kepada ajaran agama.

# AKUAN PEMATUHAN

Saya…………………………………………………………………………….............

(Nama Penuh Dengan HURUF BESAR)

No. Kad Pengenalan……………………………...........................................

…………………………………………………………………………………....

(Jawatan Dan Gred Jawatan)

dengan ini, mengaku telah membaca, memahami dan akan mematuhi **KOD ETIKA JABATAN PERTANIAN**. Keengganan dan kegagalan saya mematuhi **KOD ETIKA** ini tanpa alasan yang munasabah boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.

…………………………………………………......

**(Tandatangan Pegawai)**

Tarikh:

Disaksikan Oleh:

………………………………………………………

**(Tandatangan Pengarah/ Ketua Jabatan)**

Nama:

Tarikh:

# AKUAN PEMATUHAN

Saya………………………………………………………………………………..............
**(Nama Penuh Dengan HURUF BESAR)**

No. Kad Pengenalan……………………………..........................................

……………………………………………………………………………….....
**(Jawatan Dan Gred Jawatan)**

dengan ini, mengaku telah membaca, memahami dan akan mematuhi **KOD ETIKA JABATAN PERTANIAN**. Keengganan dan kegagalan saya mematuhi **KOD ETIKA** ini tanpa alasan yang munasabah boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.

……………………………………………........
**(Tandatangan Pegawai)**

Tarikh:

Disaksikan Oleh:

…………………………………………………….
**(Tandatangan Pengarah/ Ketua Jabatan)**

Nama:

Tarikh:

**SALINAN FAIL**

# CATATAN

# CATATAN

# “ANDA KAMI UTAMAKAN”

**UNIT INTEGRITI**
**JABATAN PERTANIAN**

**UNIT INTEGRITI**
**JABATAN PERTANIAN**
ARAS 13, WISMA TANI,
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
62624, PUTRAJAYA

TEL : 03-8870 3022 / 3024
FAKS : 03-8870 3393 / 03-8888 6242
www.doa.gov.my